

20 SEP 2002

BELANJAWAN-OHQ

KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI IBU PEJABAT OPERASI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan mencadangkan Ibu Pejabat Operasi (OHQ) dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun bagi menarik lebih banyak OHQ beroperasi di Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini berkata dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 21 Sept, 2002.

Pada masa ini, OHQ yang diluluskan diberi galakan seperti kadar cukai konsesi sebanyak 10 peratus ke atas pendapatan yang diperolehi daripada penyediaan perkhidmatan yang layak kepada syarikat kaitannya diluar negeri selama lima tahun dan boleh dilanjutkan lima tahun lagi.

Manakala galakan bukan cukai antara lainnya adalah jawatan pegawai dagang mengikut keperluan dan mendapat kemudahan kredit dalam matawang asing daripada bank perdagangan berlesen di Malaysia atau bank pesisiran pantai berlesen di Labuan tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia, kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

MAS ZK